

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2021)**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN [BAKRI]

TARIKH : 3 NOVEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

PUAN YEO BEE YIN [BAKRI] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** untuk menyatakan apakah rancangan kementerian supaya Malaysia mencapai net zero carbon menjelang 2050 seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri? Adakah sasaran ini realistik?

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia mempunyai aspirasi untuk mencapai sasaran pelepasan gas rumah kaca (*greenhouse gas* – GHG) bersih sifar seawal-awalnya pada tahun 2050, tertakluk kepada hasil Strategi Jangka Masa Panjang Pembangunan Rendah Karbon (*Long-Term Low GHG Emission Strategies* – LT-LEDs) negara pada tahun 2022. Penyediaan LT-LEDs di bawah Perjanjian Paris adalah selaras dengan keputusan Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations Framework Convention on Climate Change – UNFCCC). LT-LEDs merupakan sebuah dokumen komunikasi bertujuan memberi gambaran indikatif berhubung potensi dan impak dasar-dasar mitigasi perubahan iklim yang diambil sesebuah negara pada masa kini sehingga 2050.

NO. SOALAN : 42

2. Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) kini sedang membangunkan Pembangunan Rangka Kerja Pelaksanaan Nationally Determined Contribution (NDC) di bawah peruntukan Rancangan Malaysia Ke-12. Terdapat beberapa komponen di bawah rangka kerja ini termasuk pembangunan Pelan Hala Tuju NDC yang akan memuatkan antara lain sasaran pengurangan GHG sektoral sehingga tahun 2030 bagi mencapai NDC. Di samping itu, KASA juga sedang membangunkan *Integrated Assessment Model* yang melibatkan pembangunan unjuran jangka masa panjang sektoral. Model ini berperanan untuk menyokong *evidence-based policy* dan akan turut digunakan dalam komunikasi LT-LEDS yang akan dikemukakan kepada UNFCCC.

3. Sehubungan ini, LT-LEDS Malaysia akan menentukan '*carbon pathway*' negara berpandukan kepada unjuran GHG bagi semua sektor pelepasan GHG utama iaitu tenaga, industri pemprosesan dan guna produk, pertanian, perhutanan dan pertukaran guna tanah serta sisa seperti

4. Pada masa kini, KASA sedang dalam proses menyediakan LT-LEDS yang dijangka dapat dimuktamadkan pada penghujung 2022. LT-LEDS Malaysia akan menggariskan strategi dan tindakan bagi mitigasi pelepasan GHG bagi sektor-sektor ekonomi utama negara merangkumi:

- (i) sektor tenaga meliputi aktiviti pembekalan elektrik, pengangkutan, dan industri minyak serta gas asli;
- (ii) sektor industri pembuatan dan pemprosesan yang meliputi industri seperti mineral (simen, kapur, batu kapur), kimia, logam (seperti besi dan keluli, aluminium dan *rare earth elements* (REE)), produk bukan tenaga berasaskan bahan api dan bahan pelarut, elektronik, pengganti bahan fluorin bagi ODS (pengganti bahan penipis lapisan ozon) dan produk-produk lain);
- (iii) sektor pertanian seperti penanaman padi, ternakan dan pembajaan;
- (iv) sektor guna tanah, perubahan guna tanah dan perhutanan seperti komoditi, perhutanan dan penyahhutanan; dan

- (v) sektor sisa seperti sisa pepejal, sisa kumbahan domestik dan sisa kumbahan industri.

5. Sehubungan ini, LT-LEDS Malaysia akan mengenalpasti potensi mitigasi bagi sektor-sektor terlibat, menentukan sektor utama yang akan memainkan peranan dalam menyumbang kepada pencapaian sasaran rendah karbon negara serta memperincikan kos yang terlibat bagi melaksanakan tindakan mitigasi yang dikenal pasti. Di samping itu juga, LT-LEDS turut mengandungi maklumat mengenai teknologi yang bersesuaian dan berkos efektif. Justeru, LT-LEDS akan menentukan hala tuju dan mengenal pasti dasar-dasar yang diperlukan bagi mencapai sasaran pengurangan GHG di peringkat kebangsaan. Ini termasuk menjadi asas bagi menentukan hala tuju dan tahun sasaran pelepasan GHG bersih sifar negara.

Sekian, terima kasih.